



Ruj. Kami : JPNS.SPD 100-1/9/2 JLD.5(51)

Tarikh : 5 Mei 2021

**Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah
Negeri Selangor**

Tuan,

ARAHAN PENUTUPAN SEKOLAH DI NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil maklum keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Selangor (JKKNS) pada 5 Mei 2021 yang mengesyorkan supaya sekolah ditutup pada 6 Mei hingga 12 Mei 2021. Syor JKKNS ini adalah satu usaha untuk mengurangkan pergerakan dalam komuniti berikutan peningkatan kes COVID-19 di negeri Selangor.

3. Mengambil kira bahawa sesi persekolahan secara bersemuka hanya berbaki dua (2) hari, maka KPM memutuskan agar semua sekolah bawah KPM di negeri Selangor ditutup **pada 6 Mei dan 7 Mei 2021**. Penutupan sekolah ini akan berterusan sehingga cuti hari raya Aidilfitri sepertimana yang diumumkan oleh KPM pada 26 April 2021.

4. Pergerakan pulang murid asrama sempena cuti hari raya Aidilfitri tahun 2021 adalah sepertimana yang telah dijadualkan oleh pihak sekolah. Bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan murid dan ibu bapa/penjaga, pihak sekolah perlu mengekalkan jadual pergerakan pulang yang telah ditetapkan.

5. Justeru itu, kerjasama tuan adalah dipohon untuk mengambil maklum dan memanjangkan arahan ini kepada semua pentadbir sekolah di bawah pentadbiran pejabat pendidikan daerah tuan untuk tindakan selanjutnya. Tuan hendaklah memastikan guru-guru dapat melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) berdasarkan kesesuaian dan keupayaan akses kepada komunikasi murid sepanjang tempoh penutupan sekolah. Sehubungan ini, semua Pegawai Pendidikan Daerah hendaklah memastikan semua sekolah mematuhi arahan ini.

Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI IZMI BIN HJ ISMAIL, A.M.P, P.J.K)

Pengarah Pendidikan

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

“ Jabatan Pendidikan Selangor Terbilang ”



Salinan kepada:

1. Ketua Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Dato' Seri Menteri Besar Selangor
Pejabat Menteri Besar Selangor
2. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Operasi Sekolah
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia